

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN  
DI DEWAN RAKYAT PADA 3 MAC 1967**

---

**Tuan Yang di-Pertua<sup>1</sup>:**

**S**eperti yang telah diterangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri<sup>2</sup> semalam bahawa Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan ini ialah bertujuan hendak menjalankan kehendak-kehendak di dalam Perlembagaan kita, iaitu selepas 10 tahun daripada tarikh kemerdekaan Malaya, Parlimen adalah berhak membuat undang-undang bagi melucutkan taraf rasmi Bahasa Inggeris di tanahair kita dan mendaulatkan Bahasa Melayu sahaja sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Malaysia Barat. Inilah tujuan yang utama Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini menentukan perubahan ini dengan jelasnya.

Akan tetapi Perlembagaan kita juga menjamin walaupun Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, tetapi penggunaan dan pelajaran dalam bahasa-bahasa lain itu dibenarkan terus menerus.

Fasal 3 menentukan kuasa yang memang sudah ada di tangan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membenarkan penggunaan terjemahan-terjemahan surat-surat dan perutusan-perutusan rasmi kepada bahasa-bahasa lain jika terjemahan-terjemahan itu difikirkan perlu dan mustahak untuk kepentingan awam. Fasal 3 ini tidak sekali-sekali memberi taraf atau status rasmi kepada bahasa-bahasa lain dan ia tidak sekali-kali memberi taraf separuh rasmi ataupun "separuh berbilang bahasa-bahasa" - atau apa yang dipanggil "semi-multi-lingualism". Ini tidak boleh dan tidak dapat diterima oleh rakyat negeri ini kerana ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan kita yang jelas menentukan bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain itu hanya dibenarkan dalam lapangan-lapangan lain dan tidak dalam urusan-urusan dan persuratan-persuratan rasmi.

Kerajaan dan saya sendiri amatlah sukacita mendengar akuan yang diberi oleh dua sahabat dan rakan saya, iaitu, Y.B. Menteri Kewangan<sup>3</sup> dan Y.B. Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom<sup>4</sup>, bahawa

---

<sup>1</sup> Dato' C.M. Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman.

<sup>2</sup> Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

<sup>3</sup> Tun Tan Siew Sin.

<sup>4</sup> Tun V.T. Sambanthan.

rakyat Malaysia yang keturunan China dan India, tidak menuntut bahasa-bahasanya, iaitu Bahasa China dan Tamil dijadikan bahasa-bahasa rasmi. Bahkan, mereka itu menerima Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Mereka itu juga tidak menuntut taraf atau status "semi-multi-lingualism" atau "separuh berbilang bahasa". Nyatalah bahawa Fasal 3 ini hanya, membenarkan penggunaan terjemahan-terjemahan kepada bahasa-bahasa lain seperti yang kita sedang jalankan pada hari ini. Tidak ada apa-apa makna lain di selindung olehnya. Fasal ini hanya mengesahkan apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan seperti terjemahan-terjemahan kepada bahasa-bahasa lain daripada Bahasa Kebangsaan dan Inggeris berkenaan dengan tawaran menyerah diri pegganas-peggnas, maklumat-maklumat Kerajaan berkenaan dengan jenayah dan keselamatan, bahan-bahan penerangan masa Minggu Perpaduan dan lain-lain maklumat yang difikirkan mustahak oleh pihak Kerajaan.

Fasal 3 ini tidak menyekat dan ia tidak boleh menyekat perkembangan Bahasa Kebangsaan yang akan mendapat taraf rasmi yang tunggal dalam Perlembagaan kita setelah Rang Undang-undang ini menjadi Undang-undang Negara apabila ia diluluskan oleh Dewan ini nanti. Setelah Rang Undang-undang ini menjadi Undang-undang maka mustahaklah Kerajaan dan rakyat negeri ini memperkuatkan lagi usaha-usaha bagi mengkaya dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam pentadbiran Kerajaan sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Fasal 3 ini tidaklah memberi ataupun membenarkan penggunaan bahasa-bahasa lain lebih daripada yang dibenarkan oleh Perlembagaan sebagaimana yang sedang dijalankan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Adalah menjadi keazaman Kerajaan Perikatan semenjak Kerajaan menentukan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan rasmi di negeri ini untuk dan telahpun mengambil apa-apa jua langkah untuk memperkaya dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Langkah-langkah itu telahpun diambil semenjak beberapa tahun yang lalu dan dengan kelulusan Rang Undang-undang ini mustahaklah langkah-langkah itu diperkuat dan diperhebatkan lagi. Begitu juga, sebagai bahasa rasmi, mustahaklah Bahasa Kebangsaan kita itu diberi nilai ekonomi yang sempurna - sewajar dengan kedudukan dan tarafnya. Kesimpulannya, mustahaklah Bahasa Kebangsaan itu diberi taraf, kedudukan, nilai yang sempurna sebagai bahasa rasmi di negara kita dan ini Kerajaan akan laksanakan. Dengan huraian-huraian ini, pada fikiran saya, tidak ada sebab lagi bagi mana-mana pihak berasa bimbang yang penggunaan Bahasa Kebangsaan itu tidak akan dilancarkan dan dilaksanakan dengan secukupnya. Bahkan dengan adanya undang-

undang ini maka adalah menjadi kewajipan Kerajaan menerus dan mempercepatkan lagi usaha-usaha bagi membesar dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua lapangan.

Rakyat negeri ini daripada semua bangsa, telahpun menerima Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi; dan dengan penerimaan ini mereka hendaklah berusaha untuk menggunakan bahasa itu seluasnya. Saya dukacita ada pihak-pihak yang cuba hendak menggunakan masalah bahasa ini untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian penduduk-penduduk negeri ini. Saya harap, penduduk-penduduk negeri kita daripada semua bangsa, terutama sekali daripada orang-orang Melayu, faham betul-betul makna dan tujuan Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan ini. Dalam meneliti dan membahas Rang Undang-undang ini, mustahaklah kita sama-sama menyemak, meneliti dan memahami kehendak-kehendak Fasal 152 dalam Perlembagaan kita.

Bahasa Kebangsaan adalah satu alat yang sangat penting bagi menyatu-padukan rakyat negeri ini yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa itu. Dengan sebab itulah Kerajaan berpendapat mustahak Rang Undang-undang ini diluluskan dengan segera supaya kehendak-kehendak perlembagaan Malaysia itu dapat dijalankan dan supaya usaha-usaha bagi membesar dan meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini dapat dipusat dan diperhebatkan lagi.

Fasal Yang ke-4 adalah membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris untuk maksud-maksud yang tertentu dan itupun bagi sementara sahaja dan dalam lapangan-lapangan yang mustahak yang kita belum boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan. Dalam lapangan ini usaha-usaha akan diteruskan bagi menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan seberapa segera yang boleh di bidang undang-undang terutama sekali. Kita belum mempunyai banyak pakar undang-undang yang boleh menggubal rang undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan selain daripada undang-undang yang senang dan mudah. Kebanyakan undang-undang di negara kita ini masih lagi dalam Bahasa Inggeris. Akan tetapi Fasal 6 Rang Undang-undang ini menentukan iaitu Rang Undang-undang hendaklah diadakan dalam 2 bahasa - Bahasa Kebangsaan dan Inggeris. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk menetapkan mana-mana jenis undang-undang dan ini adalah seperti saya katakan tadi semata-mata untuk membolehkan pekerjaan Kerajaan berjalan bagi sementara waktu. Perkara ini terpaksa kerana kita belum mempunyai banyak pakar-pakar yang boleh menggubal undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan. Saya harap perkara ini pun akan dapat diatasi dalam masa yang singkat.

Fasal 8 ialah berkenaan dengan bahasa Mahkamah. Nyatalah oleh sebab kebanyakan undang-undang kita masih lagi dalam Bahasa

Inggeris, bahasa- bahasa di Mahkamah itu hendaklah dua-dua, iaitu Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Mas yang Rang Undang-undang ini adalah memberi gambaran yang sebenarnya - iaitu Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan mesti digunakan seluas yang boleh di pejabat-pejabat, dalam urusan-urusan Kerajaan dan kita akan membesar dan meluaskan penggunaannya sehingga bahasa rasmi yang tunggal ini mempunyai tempat dan kedudukan yang sewajarnya. Oleh itu saya tidak fikir ada seorang pun rakyat yang realis yang masih mempunyai perasaan ragu-ragu atau tidak puas hati dengan Rang Undang-undang ini. Cita-cita kita hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa rasmi di negara kita ini telah menjadi kenyataan dan termaktub dengan jelasnya dalam Perlembagaan. Maka terpulanglah kepada kita semua untuk mengisikan taraf dan mengukuhkan Bahasa Kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Undang-undang.

Sementara Bahasa Kebangsaan menjadi Bahasa rasmi yang tunggal sesuai dengan kehendak Perlembagaan dan sesuai dengan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa, Rang Undang-undang ini membenarkan penggunaan bahasa-bahasa lain, tetapi tidaklah lebih daripada apa yang dijalankan pada hari ini. Semenjak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan kita telah membenarkan penggunaan bahasa-bahasa lain lebih luas daripada Pemerintahan Penjajah British dahulu dan kita telah memberi banyak bantuan-bantuan ke sekolah-sekolah yang bahasa-bahasa pengantarnya Bahasa China dan Tamil. Penggunaan terjemahan-terjemahan ini tidak memberi bahasa-bahasa ini taraf rasmi ataupun taraf "separuh berbilang bangsa". Oleh itu saya berharap Rang Undang-undang ini dapat sambutan dan akan diterima dengan baik oleh semua pihak dan dengan kelulusan Undang-undang ini dapatlah kita menguatkan lagi perpaduan dan keutuhan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua:

Saya sedar yang kritik-kritik terhadap Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan ini menghadkan bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat hari ini akan mengurangkan hasrat orang ramai khususnya rakyat yang bukan Melayu daripada mempelajari Bahasa Kebangsaan kerana Rang Undang-undang ini membenarkan terjemahan-terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain serta juga Bahasa Inggeris boleh digunakan untuk urusan rasmi sekian masa lagi. Ada setengah-setengah kritik pula menuduhkan Rang Undang-undang ini telah menguburkan Bahasa Kebangsaan.

Saya suka memberi jaminan bagi pihak Kerajaan yang kegiatan dan hasrat Kerajaan Perikatan untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebenar-benarnya bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini tidak

akan kurang atau lemah. Bahkan hasrat Kerajaan dengan adanya Rang Undang-undang ini akan lebih kuat lagi untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal. Tidaklah benar seperti yang dituduh oleh kritik-kritik Kerajaan yang "momentum" pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam pentadbiran atau perjalanannya tidak pesat lagi bahkan kita berazam selepas 1.9.67 kegiatan Kerajaan melaksanakan Bahasa Kebangsaan akan lebih pesat lagi. Untuk mencapaikan cita-cita ini semua mestilah bekerjasama dengan Kerajaan dan tiap-tiap rakyat yang taat setia hendaklah belajar Bahasa rasmi dan kebangsaannya dengan bersungguh-sungguh. Kaum cerdik pandai kita dari semua bangsa hendaklah berusaha menterjemahkan sebanyak-banyak buku pengetahuan dan buku-buku bacaan ke dalam Bahasa Kebangsaan dari Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Saya juga suka menyeru pegawai-pegawai Kerajaan, Peguam-peguam, ahli-ahli bijak pandai dan pakar-pakar bahasa dan undang-undang supaya memberi tenaga, fikiran dan kepandaian mereka seluas-luasnya untuk menterjemahkan undang-undang dari Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Kebangsaan. Kerajaan berazam untuk melaksanakan cita-cita kebangsaan ini dengan sepenuh-penuhnya dan dengan secepat mungkin. Dalam keadaan sekarang ini Rang Undang-undang ini adalah adil serta patut kerana kita sama-sama mestilah sedar akan hakikat kedudukan negara kita yang mempunyai rakyat yang berbilang bangsa dan juga bagi menghormati keinginan kita hendak menjamin keamanan dan suka hidup rukun dan damai. Kita juga mestilah praktikal dan berani menghadapi kenyataan-kenyataan di Malaysia Barat ini.

Dalam keadaan sekarang kita tidak boleh melaksanakan 100% Bahasa Kebangsaan, tetapi kita akan berbuat demikian secepat yang boleh. Bahasa Inggeris dibenarkan digunakan di setengah-setengah cawangan pentadbiran khasnya di Mahkamah-mahkamah, tetapi inipun hanya untuk buat sementara waktu sahaja.

Sekali lagi saya suka memberi jaminan bagi pihak Kerajaan yang Kerajaan tidak akan lemah semangat dan keyakinannya terhadap Bahasa Kebangsaan. Sebaliknya pula dengan adanya Rang Undang-undang ini kita semua hendaklah bekerja lebih kuat dan cergas lagi untuk mempelajari Bahasa Kebangsaan. Seseorang itu tidak boleh hanya berharap kepada Bahasa Inggeris sahaja kerana penggunaan Bahasa Inggeris ini terhad kepada bidang-bidang khas saja. Kebanyakan urusan-urusan dengan Kerajaan mereka mestilah menggunakan Bahasa Kebangsaan. Terjemahan-terjemahan hanya akan digunakan jika Kerajaan berpendapat terjemahan-terjemahan itu penting, perlu serta amat mustahak. Dengan ini jelaslah, yang rakyat semua yang hendak bekerja dengan Kerajaan mesti mempunyai pengetahuan Bahasa Kebangsaan. Dengan ini kita telah

meletakkan nilai ekonomi kepada bahasa rasmi tunggal ini. Mereka yang hendak menguruskan kerja-kerja sehari-hari dengan Kerajaan hendaklah mengetahui Bahasa Kebangsaan. Dengan ini saya berharap tidak ada lagi seorangpun rakyat yang salah faham dan kerana itu tidak mengambil berat mempelajari Bahasa Kebangsaan disebabkan ada terjemahan-terjemahan yang dibenarkan oleh Rang Undang-undang ini.

Bagi faedah negara, bagi faedah mereka sendiri dan pekerjaan masing-masing, saya menyeru dan menasihatkan semua rakyat Malaysia supaya belajar Bahasa Kebangsaan dengan lebih tekun dan giat lagi. Janganlah kerana adanya Rang Undang-undang ini yang akan menjadi Undang-undang, mereka akan tawar hati atau kurang mahu mempelajari Bahasa Kebangsaan semata-mata disebabkan adanya terjemahan-terjemahan ke dalam bahasa-bahasa lain. Seperti saya katakan tadi, terjemahan-terjemahan itu hanya dibuat jika Kerajaan berpendapat terjemahan-terjemahan itu mustahak dan perlu dan ini tidak pula meliputi segala bidang kehidupan.

Selain daripada apa yang difikirkan mustahak dan penting, segala urusan rasmi Kerajaan akan hanya dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Dengan ini jelaslah penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam jabatan-jabatan Kerajaan bukan kurang tetapi akan lebih pesat lagi. Kepada mereka yang hendak mencari perlindungan dari Fasal 3 dalam Rang Undang-undang ini dan tidak lagi mahu atau telah kurang minat hendak belajar Bahasa Kebangsaan kerana kononnya mereka tidak perlu lagi belajar disebabkan mereka boleh mendapat terjemahan-terjemahan, pendapat serupa ini adalah salah dan boleh mengecewakan.

Jadi, untuk faedah diri mereka sendiri, khasnya mereka yang tidak pandai bertutur dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan, eloklah mereka lebih giat lagi mempelajari Bahasa Kebangsaan untuk menjamin masa hadapan mereka sendiri. Saya telah dengar ada orang-orang berkata bahawa sekarang ini tidaklah payah mempelajari Bahasa Kebangsaan dengan giatnya kerana mereka telah mendapat perlindungan dari Fasal 3 Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan. Fasal 3 dalam Rang Undang-undang tidak berniat hendak mengurangkan perhatian rakyat kepada Bahasa Kebangsaan. Ia hanya bagi membolehkan Kerajaan menterjemahkan - dan ini pun jika difikirkan mustahak bagi setengah-setengah maklumat bagi kepentingan umum. Seperti kata Y.A.B. Perdana Menteri kuasa bagi mengadakan terjemahan-terjemahan ini ialah pada Kerajaan dan siapa pun tidak berhak menuntut supaya sesuatu perkara itu diterjemahkan. Urusan-urusan lain adalah dalam Bahasa Kebangsaan dan kerana itu semua rakyat hendaklah mempelajari Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua:

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh<sup>5</sup> dalam ucapannya yang panjang lebar itu telah mendatangkan tuduhan-tuduhan yang berat dan saya fikir boleh dikatakan telah terkeluar sedikit dari batasan yang patut - terhadap Kerajaan dan terhadap diri Y.T.M. Tunku Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat itu telah mengatakan yang Tunku itu telah mengecewakan orang-orang Melayu dan mengecewakan hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua:

Adakah patut, munasabah dan adil penganjur negara dan Bapa Negara kita, menganjur yang telah membawakan kemerdekaan kepada tanahair kita dan memberi kedaulatan kepada bangsa dan negara kita, dituduh sebagai seorang yang telah mengecewakan hati rakyat-rakyat keturunan Melayu.

Ahli Yang Berhormat ini telah berkata juga kononnya keadaan perkara ini seperti seorang pencuri, melaungkan pencuri masuk tetapi sebenarnya, yang melaung itulah ialah pencuri.

Tuan Yang di-Pertua:

Ahli Yang Berhormat ini sentiasa memainkan sentimen dan perasaan orang. Ia seolah-oleh duduk di awan ataupun di langit - dan tidak di dunia. Yang Berhormat ini tidak menjejak bumi kerana itu ia tinggal berjauhan dari kenyataan - keadaan yang sebenarnya berlaku di dunia ini dan di Malaysia khususnya. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah “bendera putih”, bendera tanda menyerah diri kalah bangsa Melayu dan Bahasa Kebangsaan kepada pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua:

Rang Undang-undang ini adalah menentukan bahawa mulai 1.9.67 Bahasa Kebangsaan akan dijadikan bahasa rasmi yang tunggal dan menggantikan tempat utama Bahasa Inggeris. Adakah ini boleh disifat satu kekalahan Bahasa Kebangsaan kepada Bahasa Inggeris? Kalau tidak dengan Rang Undang-undang Bahasa Inggeris akan terus digunakan dengan tiada hadnya sebagai bahasa rasmi di negara kita.

Ahli Yang Berhormat ini sebagai Ketua PAS, dan sebagai Ketua sebuah Kerajaan Negeri yang ditadbirkan oleh PAS, patut sedar bahawa Parti PAS ini sentiasa berangan-angan; bermimpi-mimpi dan PAS telah sangat mengecewakan rakyat, terutama sekali orang-orang Melayu di negeri Kelantan dan sekejap masa dahulu di Terengganu. PAS telah memerintah Negeri Kelantan hampir lapan tahun, tetapi apakah kemajuan yang telah dicapai oleh rakyat negeri Kelantan yang kebanyakannya orang-orang Melayu itu? Kalau tidak dengan

---

<sup>5</sup> Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda.

pertolongan Kerajaan Persekutuan, sedikitpun kemajuan tidak dapat dicapai di Negeri Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga telah berkata bahawa Menteri-menteri Perikatan terutamanya Y.T.M. Tunku Perdana Menteri, Menteri Pelajaran dan lain-lain Menteri kerap kali berjanji dan berkata bahawa kita tidak akan bertolak ansur dalam soal Bahasa Kebangsaan - Bahasa Kebangsaan akan tetap menjadi bahasa rasmi yang tunggal di negara kita mulai 1.9.67.

Tuan Yang di-Petua;

Kita dan UMNO sebenarnya memang tidak bertolak ansur di atas dasar dan cita-cita ini. Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini jelas menegaskan selain daripada yang ditentukan dalam Rang Undang-undang ini, bahasa kebangsaanlah yang akan digunakan dalam semua urusan-urusan rasmi. Rang Undang-undang ini telah menentukan bahawa Bahasa Kebangsaan kitalah yang akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal bagi negara ini. Dasar ini adalah tegas, jelas, terang dan nyata.

Tuan Yang di-Pertua,

Mustahaklah kita bersifat realis dan faham bahawa di dalam setengah-setengah bahagian pentadbiran terutama sekali dalam bahagian undang-undang di Mahkamah-mahkamah dan di Kementerian Luar Negeri kita tidak dapat menggunakan bahasa kebangsaan dengan sepenuh-penuhnya. Kerana itulah kita telah mengadakan FASAL 4 dan FASAL 5, 6, dan 8 dalam Rang Undang-undang ini, untuk membolehkan kita menggunakan Bahasa Inggeris kalau tidak Bahasa Inggeris tidak boleh digunakan langsung dalam sebarang urusan rasmi. Ini akan merumitkan pentadbiran negara. Kita belum lagi mempunyai pakar-pakar yang boleh menggubal undang-undang dalam bahasa kebangsaan dan kita belum mempunyai pakar-pakar yang boleh menulis buku-buku teknik, dengan menggunakan perkataan-perkataan teknik sepenuhnya. Kita berazam hendak menggunakan Bahasa Kebangsaan seberapa segera yang boleh dalam bidang undang-undang dan juga Mahkamah. Penggunaan Bahasa Inggeris di bawah Rang Undang-Undang ini adalah bagi sementara saja; untuk memberi peluang kepada kita hendak memperkayakan lagi Bahasa Kebangsaan supaya dapat digunakan sepenuhnya dalam lapangan yang Bahasa Kebangsaan yang belum digunakan sepenuhnya seperti Undang-undang dan Mahkamah-mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga telah berkata bahawa Kerajaan Perikatan sentiasa bertolak ansur dan telah membuka pintu MCS atau (Perkhidmatan Awam Malaysia) kepada orang-orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua:

Ini adalah tidak benar kerana menurut peraturan yang sekarang ini kita hanya ada ratio saja iaitu jawatan-jawatan MCS itu adalah diuntukkan 4: 1; iaitu 4 kepada orang Melayu dan 1 kepada warganegara yang berasal dari keturunan bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya, rekod yang dimainkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah rekod lama - rekod sebelum merdeka dan tuduhan ini adalah tuduhan yang telahpun ditolak oleh orang-orang Melayu. Kita sekarang telah merdeka dan semenjak Tanah Melayu atau Malaya dan sekarang Malaysia, kita telah mempunyai warganegara-warganegara daripada penduduk-penduduk yang berbilang bangsa, bukan saja terdiri dari orang-orang Melayu sahaja. Ada rakyat-rakyat kita bumiputera yang lain seperti Iban, Dayak, Kadazan dan begitulah juga kita ada warganegara-warganegara daripada mereka yang keturunan China dan India. Kita telah berjaya mencapai kemerdekaan dengan sokongan mereka itu dan haruslah kita bertimbang rasa kepada mereka kerana mereka juga mempunyai hak-hak yang tertentu sebagai warganegara Malaysia. Bahkan kalau tidak dengan pertolongan Kerajaan Persekutuan, pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kelantan pun pada hari ini tidak boleh mendapat gaji mereka kerana Negeri Kelantan sekarang tidak mempunyai wang. Inilah rupanya, seorang Ketua Kerajaan yang mempunyai kuasa tetapi tidak boleh menjalankan pentadbiran Kerajaan dengan cekap. Ia hanya pandai bercakap, menuduh, mengkritik dan menuturkan kata-kata yang besar walhal, dirinya sendiri dan partinya sedikit pun tidak menunjukkan jasa-jasa kepada rakyat. Inilah imej atau gambar ia cuma memberi rakyat, khususnya rakyat Melayu di Kelantan, makan dengan sentimen, menghina dan mengelirukan mereka dengan agama, dan dengan kata-kata. Adakah satu bangsa itu boleh maju dan kuat hanya dengan percakapan dan dengan permainan sentimen sahaja?

Tuan Yang di-Pertua:

Kerajaan Perikatan dan Menteri-menteri Kerajaan Perikatan berani menghadapi sejarah, berani berdiri untuk dibicara dan dihakamkan oleh sejarah. Kerajaan Perikatan telah membawa rakyat negara ini kepada kemerdekaan dan kedaulatan dan telah mentadbirkan negara ini 12 tahun lamanya dengan aman, dengan sempurna, dengan maju, seperti kata Y.T.M. Tunku, telah mendapat nama yang harum di seluruh dunia ini. Penganjur-penganjur asing, penulis-penulis dan wartawan-wartawan akhbar di dunia benar-benar berasa hairan dan kagum memandangkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di Malaysia; memandangkan keadaan saling mengerti dan persefahaman di antara penduduk-penduduk yang berbagai-bagai bangsa di sini.

Majalah "Reader's Digest" sebuah majalah yang termasyur di dunia dalam keluarannya bulan ini telah menulis sebuah rencana yang bertajuk "TUNKU ABDUL RAHMAN MALAYSIAN MIRACLE" dan menyebut bahawa kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Malaysia ini adalah luar biasa - agak luar daripada akal fikiran. Kejayaan-kejayaan di Malaysia adalah luar biasa. Tidak ada sebuah negeri pun yang semacam kita yang mempunyai penduduk-penduduk daripada berbagai-bagai bangsa, boleh duduk berbaik-baik seperti di Malaysia. Tidak ada satu Kerajaan seperti Kerajaan Perikatan yang bersifat adil - adil kepada semua pihak dan memberi pertolongan kepada semua pihak. Sungguhpun Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu, tetapi Kerajaan memberi pertolongan bagi memajukan sekolah-sekolah yang bahasa pengantarnya bahasa-bahasa Cina dan Tamil. Kerana sifat yang adil dan timbang rasa inilah maka Malaysia telah menjadi sebuah negara yang ajaib atau "miracle", sebuah negara yang luar biasa dalam dunia yang penuh dengan kacau bilau ini.

Tuan Yang di-Pertua:

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini patut tahu dan sedar kerana kalau tidak dengan Perikatan, kalau tidak disebabkan Tengku Perdana Menteri, Malaya dan Malaysia harus tidak akan mendapat kemerdekaannya. Jika tidak kerana kemerdekaan, apakah halnya akan jadi di pihak rakyat negeri ini terutama orang-orang Melayu? Kita semua tahu dalam masa penjajahan British hampir satu ratus tahun, keadaan orang-orang Melayu terbiar, mundur, miskin dan daif. Tetapi sekarang, dengan kemerdekaan, negara kita mendapat tempat yang sempurna di dunia. Malaysia mempunyai kedudukan yang sempurna di kalangan bangsa-bangsa di dunia. Rakyat Malaysia, termasuklah Ahli. Yang Berhormat ini, bila melawat keluar negeri dihormati orang sebagai seorang warganegara yang merdeka dan mempunyai sama taraf dengan warganegara-warganegara merdeka yang lain. Perkara ini tidak akan berlaku kalau tidak dengan kemerdekaan dan kalau tidak disebabkan jasa penganjur kita, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman. Tetapi inilah orang yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat orang yang telah mengecewakan negara dan hak-hak rakyat negara ini terutama orang-orang Melayu.

Ahli Yang Berhormat ini telah bertempik dan melaung menentang Rang Undang-undang ini kerana PAS dan Kerajaan PAS Kelantan tidak ada modal lain, lagi tidak ada perkara lain yang hendak digunakan untuk mendapatkan sokongan setengah-setengah rakyat atau hendak memecahbelahkan mereka. Kalau tidak bermain dengan sentimen, kalau tidak menggunakan perkara-perkara seperti perkara bahasa ini, PAS sekarang tidak ada satu modal pun hendak bercakap, berkempen dan hendak dilaung-laungkan di hadapan rakyat. Ahli Yang Berhormat ini telah mengatakan yang Rang

Undang-undang ini adalah satu dosa, satu jenayah politik UMNO yang akan diadili oleh sejarah. Dengan kemurahan Tuhan, UMNO terima cabaran ini, UMNO sedia untuk diadili oleh sejarah. Rakyat negeri ini tahu, orang-orang Melayu juga tahu, apakah jasa-jasa kepada orang Melayu yang telah dibuat oleh UMNO. Kalau tidak kerana UMNO, saya tidak tahu apa telah dan akan jadi kepada orang-orang Melayu. Juga diharapkan PAS, orang-orang Melayu akan jatuh, akan terus menerus mundur, tentu akan hanyut lebih jauh di belakang bangsa-bangsa asing. Akan tetapi dengan kekuatan UMNO dan Perikatan negara ini telah dapat mencapai kemerdekaan, telah mendapat hasil-hasil yang hebat dalam rancangan-rancangan kemajuan-kemajuan Malaysia bagi faedah rakyat, terutamanya orang-orang Melayu. UMNOlah yang menegakkan Agama Islam kita sehingga dijadikan agama rasmi negara ini. Kerajaan telah berdiri beribu-ribu masjid-masjid di bandar-bandar dan di kampung-kampung. Parti PAS tidak berjaya mendirikan sebuah masjid pun di negeri Kelantan. Masjid ibu kota Parti PAS di Kota Bahru, adalah sangat buruk. Orang-orang Islam di sana terpaksa bersembahyang di tepi-tepi tangga, tepi-tepi rumput dan di atas padang. Hal ini berlaku di hadapan mata Ahli Yang Berhormat Ahli Pasir Puteh sendiri sebagai sifatnya Menteri Besar Kelantan dan Ketua Parti PAS. Inilah dianya seorang yang sentiasa bercakap besar, melaung dengan suara yang kuat, akan tetapi tidak sedikitpun dapat menunjukkan jasa dan bukti kepada rakyat walaupun ia dan partinya berkuasa. Inilah orangnya yang telah dipercayai oleh orang-orang di Kelantan. Percayakah kepada orang yang semacam Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini tidak ubah seperti kata perumpamaan Melayu: "Harapkan sokong, sokong membawa rebah". Kalaulah, orang-orang Melayu duduk di bawah anjuran atau pimpinan Parti PAS, nescaya mereka tidak akan dapat tempat langsung di negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua:

Rakyat negeri ini, termasuk orang-orang Melayu, telah sedar dan dapat membezakan mana yang benar dan mana yang tidak benar, mana yang berisi dan mana yang kosong; mereka dapat membezakan percakapan dan janji-janji yang boleh ditunaikan dan percakapan-percakapan yang kosong. Kita tidak payah menanti sejarah untuk mengadili kita. Pada hari ini dan sekarang juga, rakyat negara ini, orang-orang Melayu boleh menghakimkan sama ada UMNO ataupun PAS yang boleh menyelamatkan orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu di Kelantan telah menggelisah selama lapan tahun di bawah pemerintahan PAS, mereka tinggal menderita dan miskin - jauh di belakang rakyat negeri-negeri lain di Malaysia ini, jauh daripada rakyat negeri Terengganu yang dulunya dianggap mundur daripada

Kelantan, tetapi sekarang Terengganu telah maju, jauh di hadapan negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan penjelasan dan keterangan ini saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat yang taat setia di serata Malaysia akan menyokong Rang Undang-undang ini.

Terima kasih.